

# Perwakilan lebih bersemangat

UM 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata perbincangan hari pertama Perhimpunan Agung UMNO lebih membina dengan para pembahas menekankan kepada usaha memperkuatkan parti dan perpaduan.

Presiden UMNO itu memberitahu, hal ini berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya apabila ramai pembahas tidak begitu menekankan soal perpaduan.

“Tahun ini berbeza sedikit apabila kita nampak para perwakilan lebih bersemangat, inginkan perpaduan dan mengukuhkan parti,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan rasminya Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Menjawab pertanyaan pemberita mengenai ucapan seorang wakil dari Badan Perhubungan UMNO Perak yang mendakwa ada pegawai kerajaan yang mengawal peruntukan kewangan sengaja membantu pembangkang, beliau berkata, perkara itu akan disiasat.

“Dalam pemberian peruntukan kita sebagai kerajaan tidak mengambil kira sangat dari parti mana tetapi kalau dia sengaja menolak penyokong UMNO dan membantu parti lawan, itu memanglah bertentangan dengan tugas dan tanggungjawab,” katanya.

Ketika diminta mengulas ucapan perasmian beliau yang mengingatkan orang Melayu bahawa mereka belum selamat, beliau menjelaskan:

“Perpecahan Melayu akan menyebabkan pengaruh dalam kerajaan menjadi lemah dan mungkin orang Melayu tidak lagi dapat dibantu seperti masa lalu.

“Orang Melayu fikir mereka sudah selamat, kalau berpecah atau berperang sesama sendiri pun mereka fikir selamat kerana kerajaan akan menolong, saya fikir ini tidak benar,” tegasnya.

Menurut beliau, perpecahan yang berlaku boleh melemahkan orang Melayu sehingga hilang kuasa dan pengaruh dalam kerajaan, dan kalau itu berlaku kerajaan tidak akan dapat menolong mereka.